

Bahana cuaca meragam

Kuala Lumpur: Hujan lebat berserta ribut pada sebelah petang yang berlaku sejak minggu lalu bukan ke-laziman yang sepatut-nya berlaku pada mu-sim Monsun Barat Da-ya sekarang.

Pegawai Meteorologi Bahagian Khid-mat Korporat dan Ko-mersial, Jabatan Me-teorologi (MetMala-ysia), Ambun Din-dang ketika dihubu-ngi merumuskan ke-jadian itu keragaman cuaca yang jarang berlaku pada Mei hingga September.

"Secara relatifnya cuaca pada musim Monsun Barat Daya ia-lah kering dan panas, tetapi berlainan pada tahun ini apabila mon-sun kali ini lebih lem-bap dan hujan pada se-belah petang.

"Tiada spesifikasi tertentu sebab ia ber-laku, tapi kami me-rumuskan ia terjadi berikutan keragaman cuaca," katanya.

Menurutnya, feno-mena hujan lebat be-serta ribut dikesan Sabtu lalu berkemung-kinan berakhir minggu ini dengan membabit-kan beberapa negeri Pantai Barat Semen-an-jung.

"Berdasarkan pe-merhatian, Johor, Ke-dah, Pulau Pinang, Selangor dan Kuala Lumpur mengalami cuaca lembap dan mendung.

"Negeri ini meneri-ma taburan hujan lebat yang lebih daripada kebiasaan seperti ta-hun sebelumnya," ka-tanya.

Monsun barat daya akan membawa cuaca panas dan kering yang diramal berlanjutan dari Mei hingga Sep-tember kerana ketika ini berlaku peningka-tan dalam bilangan ti-tik panas.

Musim panas ini bo-leh mengakibatkan ke-jadian kebakaran seca-ra tiba-tiba di kawasan tanah gambut serta je-rebu.

Malah, ia boleh me-ngakibatkan penyah-hidratan sekiranya manusia banyak ber-peluh dan tidak mi-num cukup air.